



# Tata Kelakuan

## Mesej daripada Presiden dan CEO

### Rakan sekerja yang dihormati,

Di Neste, segala yang kita lakukan adalah untuk mencapai satu tujuan: untuk mencipta satu planet yang lebih sihat untuk anak-anak kita. Nilai-nilai kita – “We care” (kita saling mengambil berat), “We have courage” (kita mempunyai keberanian) dan “We cooperate” (kita saling bekerjasama) – adalah untuk membentuk teras budaya dan cara kita bekerja.

Tata kelakuan Neste memberikan rangka kerja kepada nilai-nilai kita dan mencerminkan komitmen terhadap memegang taruh utama kita: pekerja, pembekal, pelanggan, pelabur dan komuniti yang kita beroperasi. Ia juga memberikan kita peralatan dan panduan untuk membuat keputusan yang betul dalam kerja harian kita sambil mempromosikan ketelusan, etika dan kelestarian.

Untuk memenuhi tujuan kita, kita semua memainkan peranan yang penting dan perlu terus mengekalkan piawaian etika yang tertinggi. Kita tidak berkompromi dengan nilai-nilai atau piawaian etika kita dalam apa juga keadaan; ia adalah sebahagian daripada tingkah laku perniagaan kita – walaupun kadangkala ini bermakna kita perlu menolak peluang perniagaan.

Saya berharap anda akan menimbul dan menyuarakan sebarang kebimbangan anda jikalau anda berada di dalam situasi yang anda merasa kita telah melanggar Tata Kelakuan. Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan, jangan teragak-agak untuk mendapatkan nasihat daripada kami. Segala ini adalah tentang melakukan perkara-perkara dengan cara yang betul dandipandu oleh nilai-nilai kita.

### **Matti Lehmus**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



# Jadual Kandungan

<b>Kita adalah Neste</b> .....	<b>4</b>
<b>We care (Kita saling mengambil berat)</b> .....	<b>6</b>
Kita menghormati hak asasi manusia dan buruh .....	7
Orang kita .....	8
Kita memupuk kepelbagaian dan inklusif .....	8
Kita komited kepada keselamatan .....	9
Kita melindungi aset dan menghormati privasi .....	9
Kita komited untuk mengurangkan kesan-kesan kepada alam sekitar kita .....	10
<b>We have courage (Kita mempunyai keberanian)</b> .....	<b>11</b>
Kita komited untuk memerangi perubahan iklim .....	12
Kita memupuk komunikasi yang telus dan berasaskan fakta .....	12
Kita mempunyai keberanian untuk bersuara dan campur tangan .....	13
<b>We cooperate (Kita saling bekerjasama)</b> .....	<b>14</b>
Kita terlibat secara aktif dengan pemegang taruh kita .....	15
Kita bertindak dengan bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan .....	15
Kita bersaing dengan adil .....	15
Kita tiada toleransi terhadap rasuah .....	16
Kita hendak mengelakkan konflik kepentingan .....	16
Kita mengenali rakan niaga kita dan mematuhi sekatan perdagangan dan undang-undang anti-pengubahan wang haram .....	16
Kita menyimpan rekod kewangan dan perniagaan dengan tepat dan kita tidak terlibat dalam pengelakan cukai .....	17
<b>Cara melaporkan kebimbangan</b> .....	<b>18</b>

# Kita adalah Neste

Neste menjalankan perniagaan untuk memerangi perubahan iklim dan memacu ekonomi pekeliling. Kita memberi bantuan kepada pengangkutan dan bandar-bandar, serta pelanggan-pelanggan dalam sektor penerbangan, polimer dan bahan kimia, untuk menjadikan perniagaan mereka lebih mampan. Kita mahu menjadi sebagai platform perubahan untuk perbincangan, mencipta inovasi, dan menemui penyelesaian.

Visi kita, meneraju ke arah masa depan yang mampan bersama-sama, dengan kepercayaan bahawa kerjasama dan penglibatan kita secara aktif untuk berkembang untuk masa depan yang lebih lestari. Kita komited kepada piawai etika yang tertinggi dan menjalankan perniagaan kita mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Ini bermakna bertindak secara telus, bertanggungjawab, berintegriti dan selaras dengan nilai-nilai kita. Tata Kelakuan kita menetapkan kerangka ini.

Setiap individu di Neste mempunyai peranan yang penting untuk melaksanakan dasar dan prosedur syarikat kita serta nilai-nilai teras kita.

## Nilai-nilai kita



### We care (Kita saling mengambil berat)

Kita menjaga alam sekitar, masyarakat dan generasi yang akan datang sambil bertanggungjawab untuk memajukan kejayaan perniagaan kita.

Kita mengambil berat tentang keselamatan dan kesejahteraan antara satu sama lain dan bagi setiap individu di sekeliling kita.

Kita melibat dan mengalu-alukan setiap individu dalam perjalanan ini, untuk mengambil berat tentang kepelbagaian dan hak individu untuk menjadi diri sendiri kita yang sebenarnya.



### We have courage (Kita mempunyai keberanian)

Kita meneraju perjalanan ini dengan menerokai peluang dan mencipta penyelesaian yang baharu.

Kita berusaha untuk mencapai pembaharuan dan kecemerlangan dalam cara inovatif kita bekerja dan menjalankan perniagaan.

Kita berani berfikir cepat, bertindak lekas dan belajar pantas. Dialog yang jujur dan pembangunan berterusan adalah teras pemikiran kita.




### We cooperate (Kita saling bekerjasama)

Kita berjaya mencapai sasaran kita bersama-sama.

Kita menyatukan setiap individu, pelanggan, rakan kongsi dan masyarakat kita – kejayaan kita adalah dibina berdasarkan kolaborasi dan inovasi.

Kita memberi galakan antara satu sama lain dan berkembang bersama-sama melalui perkongsian pengetahuan dan maklum balas.





### Tata Kelakuan akan menyokong dan membimbing anda untuk:

- Mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan dan keperluan dalaman kita.
- Mengamalkan nilai-nilai kita.
- Melindungi reputasi kita.
- Membuat keputusan yang beretika dalam kerja harian kita.



Ia bergantung kepada kita untuk memastikan kita mematuhi piawaian ini.

Tata Kelakuan ini adalah untuk seluruh Kumpulan Neste. Ia mengandungi prinsip syarat-syarat utama dan keperluan utama kita untuk dipatuhi oleh setiap individu Neste dalam kerja harian, serta dalam interaksi dengan pelanggan, pembekal dan rakan niaga dan pemegang taruh lain kita. Ia juga mengandungi rujukan kepada syarat-syarat dan panduan yang lebih terperinci dalam dokumen lain dalam tadbir urus kita.

### Sebagai pekerja Neste, anda hendaklah:

- Membaca, memahami dan mematuhi Tata Kelakuan kita dan mendidik diri anda tentang undang-undang yang berkenaan dan keperluan dalaman kita.
- Meminta nasihat daripada pengurus anda atau Pematuhan Neste apabila anda tidak pasti langkah yang betul untuk diambil.
- Bersuara dan melaporkan kebimbangan anda jika anda mengetahui atau mengesyaki sebarang salah tingkah laku.



### Sebagai pengurus Neste, anda hendaklah:

- Memimpin melalui teladan dan bertindak dengan integriti dan kehormatan.
- Berkomunikasi tentang Tata Kelakuan kita dan syarat-syaratnya dan menyokong pasukan anda dengan tafsiran dan aplikasinya.
- Menggalak budaya terbuka dan integriti dan mencipta suasana yang selesa untuk menimbulkan isu dan kebimbangan yang dihadapi.

Komitmen kita untuk bertanggungjawab dan beretika bukan bergantung kepada diri kita sahaja, tetapi juga bergantung kepada pembentukan hubungan bekerjasama dengan rakan niaga kita yang berkongsi komitmen yang sama dengan kita. Kita percaya bahawa kerja yang beretika dan bertanggungjawab adalah kejayaan kita. Kita juga mewajibkan pembekal dan rakan niaga kita yang lain juga mematuhi undang-undang yang berkenaan dan mewajibkan mereka mematuhi taraf etika perniagaan yang setara dengan Tata Kelakuan ini, keterangan yang lebih lanjut boleh merujuk kepada [Neste Supplier Code of Conduct](#) (Tata Kelakuan Pembekal Neste).

### Adakah anda tidak pasti bagaimana untuk bertindak?

Tata Kelakuan tidak meliputi semua keadaan. Oleh itu, sila mempersoalkan diri anda untuk membantu anda menilai keadaan yang dihadapi:

1. Adakah ia sah?
2. Adakah ia bermoral dan mematuhi nilai-nilai Neste?
3. Adakah ia selaras dengan dasar dan prinsip panduan kita?
4. Adakah rakan-rakan sekerja anda menganggap keputusan ini adalah keputusan yang amat sesuai?
5. Jika ia muncul dalam berita, adakah ia mempunyai kebaikan untuk reputasi kita?
6. Adakah ia menunjukkan penghormatan kepada pekerja, komuniti, rakan niaga, dan pelabur kita?





**Kita saling mengambil berat**



# We care (Kita saling mengambil berat)

## Kita menghormati hak asasi manusia dan buruh

Selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, kita menghormati hak asasi manusia dan buruh yang diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-Undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa dan lapan konvensyen teras di bawah Pengisytiharan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai Prinsip Asas dan Hak Asasi di Tempat Kerja. Kita juga komited untuk menegak dan melaksanakan sepuluh prinsip Kompak Global PBB, yang mana kita adalah penandatangani.

Sebagai majikan, kita komited untuk memastikan terma pekerjaan yang adil untuk setiap individu kita, mengiktiraf dan menghormati hak pekerja kita untuk menganjur dengan bebas dan tawar-menawar dengan kolektif.

Kita menyokong penghapusan semua bentuk perhambaan moden, ia termasuk buruh paksa dan kanak-kanak, dan mengambil langkah-langkah yang aktif untuk menangani risiko ini dalam operasi dan rangkaian bekalan kita.

Komitmen dan Prinsip Hak Asasi Manusia kita menetapkan laluan dan piawaian yang berasaskan hak dalam semua keputusan perniagaan Neste. Selaras dengan ini, kita menghormati kesejahteraan dan hak asasi semua pemegang hak kita, ia termasuk para pekerja kita, pekerja kontraktor dan pembekal perkhidmatan kita, pekerja dalam rangkaian bekalan kita, pelanggan kita, dan komuniti di mana kita beroperasi.

## Apa yang diharapkan daripada anda:



- Membiasakan diri anda dengan Komitmen dan Prinsip Hak Asasi Manusia Neste.
- Mengetahui bagaimana kerja anda boleh memberi kesan-kesan kepada hak asasi manusia dalam operasi, rangkaian nilai dan komuniti kita.
- Memahami cara-cara untuk mengenali potensi risiko hak asasi manusia dalam kerja anda dan membuat keputusan.
- Mengetahui cara mengenali dan melaporkan tanda-tanda perhambaan moden.
- Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai pelaksanaan hak asasi manusia dan buruh di Neste, sila hubungi rakan sekerja anda atau pasukan Hak Asasi Manusia dan/atau pasukan HR.

## Maklumat lanjut:

- Neste Human Rights Commitment (Komitmen Hak Asasi Manusia Neste)
- Neste Human Rights Principles (Prinsip Hak Asasi Manusia Neste)
- Neste Modern Slavery Statement (Pernyataan Perhambaan Moden Neste)
- Neste Supplier Code of Conduct (Tata Kelakuan Pembekal Neste)



## Orang kita

Kejayaan kita adalah bergantung kepada kita. Inilah sebabnya kita mahu memberikan tumpuan kepada orang kita, untuk mengembangkan diri dan memberikan peluang pertumbuhan kepada mereka.

Kita menyokong, membangunkan dan menjaga orang kita dengan membantu mereka berkembang, berinovasi dan membina masa depan kita bersama-sama. Kita melengkapi orang kita dengan kecekapan dan peluang pertumbuhan kerjaya dan menyokong prestasi mereka dengan sasaran yang jelas dan telus. Nilai-nilai dan model kepemimpinan kita membimbing kita dengan tingkah laku yang diperlukan untuk berjaya.

Kesejahteraan di tempat kerja adalah elemen yang penting untuk kita berjaya. Ia terdiri daripada elemen-elemen yang berbeza: kompetensi, motivasi, kesihatan, persekitaran kerja, kerja komuniti dan kepimpinan. Kita mempunyai peranan dalam kesejahteraan di tempat kerja kita. Individu, pengurus dan komuniti kerja memainkan peranan masing-masing untuk memastikan kesejahteraan individu semasa bekerja dengan kelakuan yang baik.

### Maklumat lanjut:

- **People Policy (Dasar Orang)**



## Kita memupuk kepelbagaian dan inklusif

Di Neste, kita mahu menjadi majikan yang beretika dan bertanggungjawab. Bagi kita, kepelbagaian individu dianggap sebagai kelebihan untuk kompetitif yang baik dalam operasi perniagaan mahupun bersaing untuk memperoleh bakat yang terbaik. Kita memacu peluang yang sama rata dan mengenali bahawa pelbagai perspektif memang diperlukan untuk mencapai inovasi yang lebih besar dan membuat keputusan yang lebih baik. Pekerja kita ditawarkan dengan peluang pertumbuhan dan kerjaya yang pelbagai.

Kita menentang dan tidak bertolak ansur dengan sebarang diskriminasi berdasarkan atribut peribadi seperti jantina, bangsa, warna kulit, asal etnik, kewarganegaraan, umur, kehamilan, orientasi seksual, identiti jantina, kecacatan, agama atau pendapat politik. Begitu juga sama dengan, gangguan, ugutan, penindasan, eksploitasi dan keadaan kerja yang bahaya dari segi fizikal atau mental yang sentiasa tidak boleh diterima dan tidak boleh ditoleransi di Neste.

Inklusif di Neste bermaksud pertumbuhan aktif di dalam budaya kekitaan. Kita mahu orang kita berasa bahawa mereka dihargai dan disokong oleh ahli komuniti kita. Orang kita digalakkan untuk menyuarakan fikiran mereka tanpa sebarang kebimbangan atas akibat yang negatif.

### Maklumat lanjut:

- **People Policy (Dasar Orang)**
- **Equality and Non-Discrimination Principle (Prinsip Kesetaraan dan Tanpa Diskriminasi)**



## Apa yang diharapkan daripada anda:



- Melayani semua individu dengan hormat, adil dan bermaruah.
- Dengar dan belajar daripada pandangan dan pendapat orang lain.
- Menggalakkan pemahaman perbezaan antara individu dan budaya sebagai kekuatan dan peluang di dalam pasukan dan projek.
- Menyertai usaha untuk membina suasana terbuka dan selamat supaya setiap individu berasa selesa untuk menyuarakan pendapat mereka.
- Mengenali andaian peribadi sendiri, titik buta dan bias.
- Jangan sekali-kali terlibat dalam buli, diskriminasi, gangguan bukan seksual atau seksual. Bersuara jika anda menghadapinya dalam apa jua bentuk.



### Kita komited kepada keselamatan

Keselamatan adalah prasyarat untuk perniagaan kita dan telah diintegrasikan ke dalam nilai-nilai kita dan dalam segala yang kita lakukan. Kita ingin memberi pekerja kita dan sesiapa yang bekerja dengan Neste satu tempat kerja yang sihat, selamat dan terjamin. Kita ingin memastikan semua pekerja dan rakan kongsi kita kembali ke rumah dalam keadaan yang sihat selepas bekerja, dan mempercayai bahawa semua kemalangan boleh dielakkan.

Kita bertekad untuk melindungi manusia dan alam sekitar serta operasi, aset, maklumat dan jenama kita daripada sebarang kemudaratan. Kita percaya bahawa ini boleh dicapai apabila setiap individu yang bekerja untuk dan dengan kita benar-benar komited untuk mengurus dan meningkatkan keselamatan seperti yang dinyatakan oleh visi keselamatan kita: "No Harm. Together."

Bagi kita, keselamatan bermakna kecemerlangan dalam pengurusan risiko. Kita berusaha untuk belajar daripada pengalaman dan berterusan untuk meningkatkan keupayaan kita untuk memahami dan menguruskan risiko dan sebarang bahaya. Kita berhasrat untuk memupuk budaya di mana kita mempunyai keberanian untuk bercampur tangan jika keselamatan kita terancam dan bekerjasama untuk memasti dan meningkatkan keselamatan. Bekerja dengan cara yang selamat adalah tanggungjawab kita bersama: bersama-sama kita boleh menjadikan setiap hari sebagai hari yang selamat.

#### Maklumat lanjut:

- **Neste Life Saving Rules (Peraturan Penyelamatan Nyawa Neste)**
- **Operations Excellence Policy (Dasar Kecemerlangan Operasi)**
- **Safety Leadership Principle (Prinsip Kepemimpinan Keselamatan)**



### Apa yang diharapkan daripada anda:

- **Penglibatan: kita semua perlu terlibat dalam kerja keselamatan.**
- **Memahami bahaya dan risiko yang berkaitan dengan kerja anda dan memastikan ia diuruskan secara sistematik.**
- **Melaporkan segala insiden dan insiden yang hampir-hampir berlaku untuk dipelajari dan meningkatkan keselamatan operasi kita.**
- **Kuasa untuk menghentikan kerja: berhenti bekerja apabila ia tidak selamat untuk diteruskan.**
- **Pematuhan kepada piawaian: pastikan bahawa syarat-syarat difahami dan dipatuhi.**
- **Mengetahui dan mematuhi Neste Life Saving Rules (Peraturan Penyelamatan Nyawa Neste) setiap masa.**



### Kita melindungi aset dan menghormati privasi

Melindungi aset Neste adalah penting, kerana kita menggunakannya untuk menjalankan perniagaan kita. Menggunakan aset syarikat kita hanya untuk tujuan perniagaan Neste yang sah dan melindunginya dengan sewajarnya daripada serangan berkaitan siber, kecurian, kehilangan, pembaziran, penyalahgunaan, pemusnahan atau risiko yang serupa. Dengan melindungi aset kita, kita melindungi kelebihan kompetitif kita di pasaran. Kita juga mempunyai tanggungjawab untuk melanjutkan tahap penjagaan yang sama terhadap aset yang diamanahkan kepada kita oleh rakan niaga kita dan pemegang taruh lain.

### Aset kita termasuk:

- Aset fizikal, seperti jentera, perabot pejabat, peralatan, alat dan bekalan.
- Aset teknologi, seperti perkakasan komputer, perisian dan sistem maklumat.
- Aset kewangan, seperti wang tunai, sekuriti dan kad kredit.
- Nama syarikat kita, jenama kita, jenama produk kita dan hubungan dengan pelanggan kita.
- Aset maklumat dan harta intelek, seperti rahsia perniagaan, data peribadi, penemuan, paten, hak cipta dan tanda dagangan dan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan sistem.

Beringat untuk melindungi rahsia perniagaan dan maklumat sulit Neste dan melayan sebarang maklumat sensitif yang anda pelajari dalam kerja anda dengan kerahsiaan mutlak. Berkongsi maklumat sedemikian dengan orang luar atau menggunakannya untuk kepentingan peribadi anda mungkin telah melanggar undang-undang dan kepentingan terbaik Neste. Begitu juga dengan perlindungan harta intelek Neste, ia termasuk ciptaan, paten, hak cipta dan tanda dagangan. Ini adalah amat penting untuk perniagaan kita dan memerlukan perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya.

Kita juga komited untuk menghormati privasi. Kita mematuhi undang-undang perlindungan data yang berkenaan dalam pemrosesan data peribadi pekerja kita dan sesiapa yang kita menjalankan perniagaan, ia termasuk pelanggan, rakan kongsi dan pihak berkepentingan lain. Kita telah mengenal pasti proses perniagaan kita yang termasuk data peribadi, dan kita telah mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan akses, pendedahan, pindaan, atau pemusnahan data peribadi yang tidak dibenarkan selaras dengan undang-undang privasi yang sesuai dalam operasi kita.

#### Maklumat lanjut:

- **Privacy Principle (Prinsip Privasi)**
- **Cyber Security Principle (Prinsip Keselamatan Siber)**
- **Protection and Classification of Neste Information Standard (Perlindungan dan Pengelasan Piawaian Maklumat Neste)**



### Apa yang diharapkan daripada anda:

- **Melindungi rahsia perniagaan dan maklumat sulit Neste dan melayan sebarang maklumat sensitif yang anda pelajari dalam kerja anda dengan kerahsiaan mutlak.**
- **Melindungi aset Neste yang diamanahkan kepada anda dan menggunakan dengan sewajarnya. Jangan menggunakan aset Neste untuk tujuan peribadi anda.**
- **Hormati dan lindungi sebarang data peribadi yang mungkin diamanahkan kepada anda dalam kerja anda – melayannya dengan tahap penjagaan yang sama seperti yang anda akan melakukannya dengan data anda sendiri dan mematuhi undang-undang.**
- **Membincang maklumat sensitif hanya dalam persekitaran peribadi dan dengan pihak yang diberi kekuasaan untuk berbuat demikian. Jangan membincang rahsia perniagaan dan maklumat sulit dengan keluarga atau rakan-rakan; di tempat awam seperti restoran, lobi hotel, atau pengangkutan awam; di mesyuarat persatuan perdagangan; atau di media sosial.**



### Kita komited untuk mengurangkan kesan-kesan kepada alam sekitar kita

Kita menyokong langkah-langkah yang diambil terhadap cabaran alam sekitar dan mengambil inisiatif untuk menggalakkan tanggungjawab alam sekitar. Kita menetap dan melaksanakan prosedur untuk mengurangkan sebarang kesan-kesan buruk operasi kita terhadap alam sekitar.

Kita menggunakan sumber semula jadi secara bertanggungjawab dan aktif berusaha menuju ke arah penyelesaian sumber dan tenaga yang lebih mampan dan cekap dalam operasi perniagaan kita. Kita juga mempertimbangkan kesan-kesan alam sekitar kita dengan penilaian alternatif dengan teliti untuk menjalankan perniagaan, seperti lebih mengutamakan mesyuarat maya, jika boleh. Kita mempunyai peranan yang penting dalam membuat keputusan yang lebih mampan dalam tugas harian kita.

Kita mematuhi sebarang keperluan alam sekitar yang berkaitan dengan operasi kita. Kita komited untuk bekerja untuk menghapuskan pencemaran tempatan (ia termasuk udara persekitaran, perairan di permukaan bumi, bunyi bising, pencemaran tanah dan air tanah), pembalakan hutan dan kesan-kesan persekitaran negatif yang lain.

Kita sentiasa mengesan dan menganalisis sumber pelepasan gas rumah hijau dalam pengeluaran kita. Yang amat penting lagi, kita sentiasa menilai dan melaksanakan cara-cara untuk mengurangkan pelepasan kita sendiri dan komited untuk mencapai sasaran iklim kita.

Kita menggalakkan pengukuhan perlindungan biodiversiti dan pemuliharaan kawasan nilai yang tinggi, menggalak dan menyokong daya tahan nilai-nilai semula jadinya.

#### Maklumat lanjut:

- **Sustainability Policy (Dasar Kelestarian)**
- **Operations Excellence Policy (Dasar Kecemerlangan Operasi)**
- **Responsible Sourcing Principle (Prinsip Tanggungjawab Penyumberan)**
- **Supplier Sustainability Approval Principle (Prinsip Kelulusan Kelestarian Pembekal)**
- **Business Travel Standard (Piawaian Perjalanan Perniagaan)**



**we have  
courage**

**Kita mempunyai keberanian**



# We have courage (Kita mempunyai keberanian)

## Kita komited untuk memerangi perubahan iklim

Tujuan kita untuk mencipta satu planet yang lebih sihat untuk anak-anak kita membimbing kerja kita untuk membantu pelanggan kita mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Mencapai komitmen ini memerlukan perubahan minda dan tindakan kita semua, dan keberanian untuk mengubah cara kita bertindak dan berfikir. Kita mempunyai keberanian untuk berinovasi, memupuk idea-idea baharu dan bekerjasama dengan rakan niaga yang mempunyai cita-cita yang sama.

Inovasi dan teknologi sentiasa berada di dalam DNA NESTE. Langkah-langkah yang kita mengambil dalam inovasi memberi tumpuan kepada penukaran bahan mentah berkualiti rendah kepada produk dan penyelesaian mampan dan berkualiti tinggi, untuk sentiasa mengekalkan piawai etika dan saintifik yang tinggi. Kita telah melaksanakan proses dan kawalan untuk menilai risiko yang berkaitan. Matlamat kita adalah untuk memastikan pertumbuhan perniagaan semasa dan mewujudkan platform pertumbuhan baharu dengan penyelesaian yang boleh diperbaharui dan penyelesaian pekeliling, ia termasuk langkah-langkah holistik untuk mempercepatkan anjakan kepada ekonomi plastik pekeliling. Inisiatif inovasi membantu perniagaan semasa untuk meluaskan bekalan sisa dan residu yang boleh diperbaharui dan membangunkan perniagaan di sekitar bagi pengitaran semula sisa bahan kimia plastik.



### Maklumat lanjut:

- **Sustainability Policy (Dasar Kelestarian)**
- **Commercial Excellence Policy (Dasar Kecemerlangan Komersial)**
- **Sustainability Principle (Prinsip Kelestarian)**



## Kita memupuk komunikasi yang telus dan berasaskan fakta

Amalan komunikasi NESTE adalah berdasarkan prinsip utama kebolehpercayaan, keterbukaan, konsistensi, dan objektiviti. Kita terlibat secara aktif dengan pemegang taruh kita dan menggalakkan dialog terbuka. Maklumat yang diterbitkan oleh NESTE adalah tepat, relevan, jelas,

mencukupi, dan tidak mengelirukan. Ini disokong lagi oleh komitmen tegas kita terhadap amalan pemasaran dan melobi dengan jujur dan berintegriti tinggi.

Kita mengekalkan kepercayaan dengan pelabur kita dan orang awam dengan memberikan pandangan yang jujur tentang syarikat kita, strategi, operasi dan prestasinya. Kita menghormati undang-undang sekuriti dengan menyediakan maklumat yang mencukupi dan tepat mengenai faktor-faktor yang mungkin memberikan kesan-kesan material terhadap nilai-nilai sekuriti kita dengan cara yang sama dan konsisten. Kita mematuhi larangan penggunaan yang tidak sah dan pendedahan maklumat dalaman.

Untuk memastikan amalan komunikasi kita mematuhi prinsip utama kita, hanya jurucakap sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan kenyataan kepada media atau pemegang taruh lain bagi pihak NESTE.

### Maklumat lanjut:

- **Communication Policy (Dasar Komunikasi)**
- **Neste Corporation's Disclosure Principle (Prinsip Pendedahan Neste Corporation)**
- **Guidelines for Insiders (Garis Panduan untuk Orang Dalam)**



### Takrifan maklumat dalaman:



Maklumat dalaman merujuk kepada maklumat yang tepat, yang belum didedahkan kepada umum, berkaitan dengan NESTE atau syarikat lain atau sekuritinya, jika ia didedahkan kepada umum, berkemungkinan besar ia akan memberi kesan-kesan yang ketara terhadap harga sekuriti.

### Kita mempunyai keberanian untuk bersuara dan campur tangan

Kita campur tangan, bertanggungjawab dan bertindak apabila diperlukan. Kita mahu setiap individu berasa selesa apabila mengemukakan kebimbangan dan bersuara jikalau kita mengetahui pelanggaran Tata Kelakuan kita atau salah laku lain telah berlaku. Kita akan menyiasat laporan dakwaan salah laku secara profesional, saksama, sulit dan tanpa kelewatan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan setiap perkara yang dilaporkan. Selepas siasatan, jikalau sebarang dakwaan pelanggaran atau kekhuatiran telah disahkan, tindakan pembetulan yang sewajarnya, termasuk potensi tindakan disiplin, akan diambil. Pembalasan yang buruk terhadap seseorang yang membuat laporan dengan niat baik atas dakwaan salah laku atau berkaitan dengan undang-undang adalah dilarang dan tidak akan ditoleransi.

#### Maklumat lanjut:

- [Misconduct Investigation Standard \(Piawaian Siasatan Salah Laku\)](#)



### Apa yang diharapkan daripada anda:



Jika anda mengetahui atau mengesyaki sebarang pelanggaran Tata Kelakuan Neste, dasar ataupun prinsip Neste lain, atau undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan, kita menggalakkan anda melaporkan kebimbangan anda. Untuk melaporkan perkara ini, sila hubungi:

- **Pengurus laporan anda.**
- **Pihak hubungan HR anda.**
- **Pegawai pematuhan untuk rantau anda; Ketua Pegawai Pematuhan atau Naib Presiden, Audit Dalaman.**
- **Apabila anda tidak merasa selesa dengan saluran lain, anda boleh melaporkan kebimbangan anda, jika dikehendaki, tanpa nama melalui [Etika Dalam Talian](#) (untuk pekerja Neste).**

### Rakan niaga Neste

- **Rakan niaga Neste dan pemegang taruh lain boleh melaporkan pelanggaran yang disyaki, jika dikehendaki, tanpa nama dengan menggunakan [Etika Neste Dalam Talian](#).**



### Bagaimanakah pengurus perlu menangani kebimbangan?

Pemimpin kita hendaklah bertindak mengikut tingkah laku kepimpinan kita dalam semua situasi. Jika seseorang mengemukakan kebimbangan atau soalan kepada anda, anda mempunyai tanggungjawab khas untuk mendengar dan bertindak. Pengendalian kebimbangan dengan sewajarnya adalah penting untuk memelihara kepercayaan dan melindungi Neste. Menjawab dengan menghormati dan mengambil berat setiap kebimbangan. Jika anda tidak pasti bagaimana hendak bertindak, anda boleh mendapatkan nasihat lanjut daripada saluran pelaporan kita yang disediakan.

**we cooperate**

**Kita saling bekerjasama**



# We cooperate (Kita saling bekerjasama)

## Kita terlibat secara aktif dengan pemegang taruh kita

Sejajar dengan visi kita, kita percaya dalam kerjasama dan keinginan untuk terlibat secara aktif dalam membangunkan masa depan yang lebih mampan. Memahami pandangan dan jangkaan pemegang taruh kita membolehkan peranan yang penting dalam kejayaan syarikat kita dan penerimaan operasi kita. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap kerjasama dan penglibatan pemegang taruh, kita mungkin menjadi ahli organisasi penting yang relevan kepada industri kita.

Kita menyasar dialog yang berterusan, aktif dan terbuka dengan pemegang taruh kita, ia termasuk pelanggan, pembekal, pemegang saham, pekerja, persatuan, komuniti, organisasi penyelidikan, pembuat dasar, pertubuhan bukan kerajaan dan media dan mengkaji semula pandangan mereka secara kerap mengenai operasi kita. Walau bagaimanapun, semakan semula operasi adalah saling: kita juga menyemak dan menilai operasi pemegang taruh kita untuk memastikan ia memenuhi keperluan dan piawaian kita. Kita melibatkan pembekal kita dan pemegang taruh lain yang berkaitan untuk bekerjasama membangunkan penyelesaian inovatif kepada penambahbaikan yang berterusan dan menyelesaikan sebarang rungutan yang timbul.

Sebagai sebuah syarikat, kita tidak terlibat dalam aktiviti politik atau keagamaan, dan kita juga tidak membuat sumbangan langsung atau tidak langsung kepada aktiviti-aktiviti jenis ini. Segala aktiviti komuniti, agama atau politik yang dijalankan oleh kita sebagai individu hendaklah dipisahkan dengan jelas daripada aktiviti perniagaan Neste.

## Kita bertindak dengan bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan

Kita mengambil perspektif yang luas terhadap penglibatan kita dan bagi kita, kewargaan korporat yang baik bermaksud menjadi individu yang bertanggungjawab dalam komuniti yang kita beroperasi. Ini termasuk mematuhi undang-undang, tadbir urus korporat yang baik dan mematuhi amalan perniagaan yang beretika dalam segala yang kita lakukan.

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan dengan operasi kita. Kita memandang ini sebagai piawaian minimum kita. Sekiranya undang-undang atau peraturan-peraturan tempatan berbeza daripada Tata Kelakuan kita, kita mesti memastikan kita memenuhi kedua-dua piawaian. Mematuhi undang-undang yang berkenaan tidak sentiasa mencukupi. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengingati komitmen kita yang kuat terhadap piawaian etika tinggi dan amalan perniagaan bertanggungjawab yang dinyatakan dalam Tata Kelakuan kita dan bertindak dengan sewajarnya.

### Maklumat lanjut:

- **Corporate Governance Policy (Dasar Tadbir Urus Korporat)**



## Kita bersaing dengan adil

Kita percaya dan menyokong persaingan yang bebas dan adil. Undang-undang persaingan menggalakkan persaingan di mana pengguna-pengguna mempunyai lebih banyak pilihan yang lebih baik dan mendapatkan manfaat daripada harga yang lebih rendah. Undang-undang persaingan di seluruh dunia melarang amalan perniagaan yang menyekat persaingan.

Di Neste, kita bersaing secara adil dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan persaingan dan anti monopoli yang berkenaan. Kita mempunyai piawaian dan prosedur untuk memastikan pengarah dan pekerja kita tidak terlibat dalam sebarang amalan anti-persaingan seperti penetapan harga, pertukaran maklumat sulit dengan pesaing atau amalan atau perjanjian lain yang menyekat persaingan.

### Maklumat lanjut:

- **Competition Compliance Principle (Prinsip Pemuatan Persaingan)**



## Apa yang diharapkan daripada anda:

- Sentiasa mematuhi peraturan, arahan dan panduan Neste mengenai undang-undang persaingan dan mengemaskinikan pengetahuan anda dengan kerap.
- Jangan berkongsi data sensitif dengan pesaing-pesaing. Menggelakkan hubungan yang tidak perlu dengan pesaing-pesaing.
- Mengikuti panduan dan peraturan-peraturan Neste tentang menghadiri persatuan perdagangan dan mesyuarat industri.
- Memastikan sebarang perjanjian dengan pesaing, pembekal atau pelanggan mematuhi undang-undang persaingan yang berkenaan. Rujuk Perundangan apabila diperlukan.
- Sentiasa mendapatkan nasihat apabila anda tidak pasti atau apabila anda mempunyai soalan berkaitan dengan undang-undang persaingan dan isu anti monopoli.



### Kita tiada toleransi terhadap rasuah

Kita melayan rakan niaga kita secara profesional, adil dan sama rata berdasarkan faktor-faktor objektif dan tidak memasukkan keutamaan atau kepentingan peribadi. Kita jujur dan telus dalam interaksi kita dengan pelanggan, pembekal dan pemegang taruh lain dan tidak mempengaruhi keputusan mereka melalui sebarang bayaran atau faedah yang tidak wajar.

Kita komited untuk menjalankan operasi global kita secara beretika dan berintegriti. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, semua bentuk rasuah yang berkaitan dengan operasi Neste tidak boleh diterima dan tidak akan ditoleransi. Kita juga mewajibkan rakan niaga luaran kita yang bertindak untuk atau bagi pihak Neste untuk mengetahui dan berkongsi komitmen toleransi sifar terhadap rasuah ini.

Kita tidak menawarkan atau menerima sebarang hadiah peribadi atau hospitaliti yang boleh mewujudkan pengaruh yang tidak wajar atau memberi kesan-kesan yang tidak wajar.

Mengingati bahawa interaksi dengan penjawat awam tertakluk kepada peraturan dan penelitian yang lebih ketat. Sebagai contoh, walaupun hadiah atau hospitaliti yang kecil dan sah mungkin akan disalah tafsirkan sebagai rasuah haram. Maklumat lanjut boleh didapati dalam Anti-Corruption Principle (Prinsip Anti Rasuah).

#### Takrifan rasuah:

Rasuah bermaksud penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk kepentingan peribadi. Ia boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti rasuah, bayaran kemudahan, sogokan, derma dan tajaan yang tidak wajar, hadiah dan hospitaliti yang berlebihan dan konflik kepentingan.



### Kita hendak mengelakkan konflik kepentingan

Konflik kepentingan mungkin timbul apabila kita terlibat dalam sesuatu masalah peribadi kita yang boleh mempengaruhi atau dianggapi oleh individu lain yang boleh mempengaruhi tugas atau keputusan perniagaan kita di Neste. Ini boleh dijadikan sebagai contoh, ia termasuk mengambil jawatan luaran yang mungkin bercanggah dengan pekerjaan anda di Neste, seperti bekerja untuk pesaing, pembekal atau pelanggan Neste, atau membuat sebarang keputusan atau menandatangani kontrak dengan syarikat yang dimiliki atau diuruskan oleh anda atau ahli keluarga anda.

Situasi di mana konflik kepentingan antara anda dan Neste yang akan wujud hendaklah dielakkan. Sentiasa telus dan berbincang dengan pengurus anda apabila anda mengesyaki anda mungkin mempunyai konflik kepentingan. Jika anda tidak pasti, sila tanya!

#### Maklumat lanjut:

- Anti-Corruption Principle (Prinsip Anti Rasuah)
- Donations Principle (Prinsip Derma)
- Sponsorship Principle (Prinsip Penajaan)



### Kita mengenali rakan niaga kita dan mematuhi sekatan perdagangan dan undang-undang anti-pengubahan wang haram

Tindakan yang tidak beretika atau menyalahi undang-undang rakan niaga kita boleh memberi kesan-kesan negatif kepada Neste. Oleh itu, kita perlu mengenali siapa rakan niaga kita untuk mengurangkan risiko berkaitan atau terlibat dalam aktiviti yang tidak beretika, melanggar undang-undang, atau jenayah. Kita mempunyai proses untuk menjalankan usaha wajar terhadap rakan niaga kami.

Kita mematuhi sekatan ekonomi dan perdagangan yang berkenaan. Kita beroperasi dalam persekitaran perdagangan antarabangsa dan mengimport dan mengeksport produk dan perkhidmatan di antara beberapa negara, dan terlibat dalam hubungan perniagaan dengan rakan niaga dari pelbagai sektor industri dan lokasi geografi. Kita mempunyai proses, seperti proses usaha wajar kita, untuk memastikan kita mengikuti pematuhan kita.

Kita juga komited untuk mengambil bahagian dalam usaha antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti-aktiviti pengganas dan jenayah. Kita mematuhi semua undang-undang berkenaan untuk melarang pengubahan wang haram atau pembiayaan yang bertujuan haram atau tindakan yang tidak disahkan.

#### Maklumat lanjut:

- Trade Sanctions Principle (Prinsip Sekatan Perdagangan)
- Counterparty Risk Management Principle (Prinsip Pengurusan Risiko Rakan Kongsi)
- Anti-Money Laundering and Counter Terrorism Financing Standard (Piawaian Pembiayaan Anti Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Keganasan)



#### Takrifan sekatan perdagangan:

Sekatan perdagangan antarabangsa merujuk kepada sekatan atau penggantungan hubungan ekonomi atau komersial, atau bidang lain, seperti pengangkutan dan komunikasi atau hubungan diplomatik, dengan negeri atau kumpulan individu dan entiti tertentu. Tujuan sekatan adalah, sebagai sebahagian daripada langkah-langkah dasar luar negara lain, untuk mempengaruhi dasar atau tindakan negara atau kumpulan itu apabila dasar atau tindakan tersebut dianggap sebagai ancaman kepada keamanan dan keselamatan antarabangsa.



### Apa yang diharapkan daripada anda:

- Jangan sekali-kali terlibat dalam keadaan yang bertolak ansur atau membenarkan sebarang rasuah.
- Jangan sekali-kali membayar atau menerima rasuah, sogokan atau bayaran kemudahan.
- Jangan sekali-kali membiarkan kepentingan peribadi anda mengganggu tanggungjawab kerja anda. Sekiranya anda fikir anda mungkin mempunyai konflik kepentingan, berbincang dengan telus dan dapatkan kelulusan daripada pengurus anda.
- Mengingati peraturan-peraturan dan proses kelulusan Neste mengenai penerimaan hadiah dan hospitaliti.
- Mengikuti proses untuk derma dan penajaan.
- Mengenali rakan niaga anda dengan secukupnya, kerana tindakan mereka juga boleh menyebabkan kerosakan kepada Neste.





### **Kita menyimpan rekod kewangan dan perniagaan dengan tepat dan kita tidak terlibat dalam pengelakan cukai**

Rekod yang tepat dan boleh dipercayai adalah penting untuk perniagaan kita. Kita komited untuk mengekalkan rekod dan akaun syarikat yang tepat untuk memastikan amalan perniagaan yang sah dan beretika dan untuk mencegah aktiviti penipuan. Kita bertanggungjawab untuk membantu dengan memastikan bahawa maklumat yang kita rekod, proses dan analisis adalah tepat, dan direkodkan mengikut prinsip undang-undang dan perakaunan yang berkenaan. Dana, bayaran, atau resit yang tidak didedahkan atau tidak direkodkan yang tidak selaras dengan amalan perniagaan kita hendaklah dilarang. Melaporkan maklumat yang tepat, lengkap dan mudah difahami mengenai perniagaan, pendapatan dan keadaan kewangan kita adalah tanggungjawab penting setiap pekerja.

Penghindaran cukai adalah amalan haram di mana seseorang atau entiti mengelakkan diri daripada membayar liabiliti cukai sebenar mereka. Kita tidak terlibat dalam pengelakan cukai atau perancangan cukai agresif. Kita tidak bertolak ansur dengan kemudahan pengelakan cukai oleh pihak yang bertindak untuk atau bagi pihak Neste.

#### **Maklumat lanjut:**

- **Neste's tax footprint**  
(Jejak cukai Neste)
- **Internal Control Principle**  
(Prinsip Kawalan Dalaman)





## Cara melaporkan kebimbangan

Jika anda mengetahui atau mengesyaki sebarang pelanggaran Tata Kelakuan Neste, dasar ataupun prinsip Neste lain, atau undang-undang atau peraturan-peraturan yang berkenaan, kita menggalakkan anda melaporkan kebimbangan anda. Untuk melaporkan perkara ini, sila hubungi:

- Pengurus laporan anda.
- Pihak hubungan HR anda.
- Pegawai pematuhan untuk rantau anda; Ketua Pegawai Pematuhan atau Naib Presiden, Audit Dalaman.
- Apabila anda tidak merasa selesa dengan saluran lain, anda boleh melaporkan kebimbangan anda, jika anda mahu, tanpa nama melalui [Etika Dalam Talian](#) (untuk pekerja Neste).

### Rakan niaga Neste

- Rakan niaga Neste dan pemegang taruh lain boleh melaporkan pelanggaran yang disyaki, jika dikehendaki, tanpa nama dengan menggunakan [Etika Neste Dalam Talian](#).

